

## PERANAN DASAR PENDIDIKAN YAYASAN SABAH DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN NEGERI SABAH, 1966-1991

(THE ROLE OF YAYASAN SABAH'S EDUCATIONAL POLICY IN HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT IN SABAH, 1966-1991)

MAHMUD, A.<sup>1</sup> – DE SILVA, M.<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

*\*Penulis penghubung  
e-mail: maureend[at]ums.edu.my*

(Received 03<sup>rd</sup> July 2025; revised 02<sup>nd</sup> October 2025; accepted 11<sup>th</sup> October 2025)

**Abstrak.** Artikel ini menganalisis peranan dasar pendidikan Yayasan Sabah dalam membentuk pembangunan modal insan di negeri Sabah antara tahun 1966 hingga 1991. Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan sejarah dan analisis dasar awam bagi menilai bagaimana pelbagai inisiatif pendidikan yang dilaksanakan telah memberi kesan terhadap peningkatan taraf hidup dan kapasiti sumber manusia tempatan. Antara program yang diberi perhatian termasuklah pemberian biasiswa dalam dan luar negara, pembinaan asrama dan pusat latihan, penempatan pelajar ke institusi pengajian tinggi, serta penubuhan perpustakaan penyelidikan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui penyelidikan arkib, dokumen rasmi Yayasan Sabah, serta analisis kandungan dasar pendidikan dalam tempoh pascakolonial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Yayasan Sabah berjaya memperluas akses pendidikan kepada masyarakat luar bandar dan kumpulan terpinggir, sekali gus menyumbang kepada mobiliti sosial menegak dan pembangunan sosioekonomi wilayah. Kajian ini menyimpulkan bahawa dasar pendidikan Yayasan Sabah bukan sahaja berfungsi sebagai alat pembangunan modal insan, tetapi juga sebagai instrumen transformasi sosial dalam usaha membina masyarakat berpengetahuan dan berkemahiran tinggi di Sabah. Penelitian ini menyumbang kepada wacana pembangunan wilayah menerusi pendidikan sebagai pemangkin transformasi struktur sosial dan ekonomi di wilayah-wilayah yang kurang membangun di Malaysia.

**Katakunci:** *Yayasan Sabah, dasar pendidikan, pembangunan modal insan, transformasi sosial, pembangunan wilayah, pascakolonial*

**Abstract.** This article analyses the role of Yayasan Sabah's education policy in shaping human capital development in the state of Sabah between 1966 and 1991. The study employs a historical and public policy analysis approach to assess how various educational initiatives contributed to improving living standards and strengthening the capacity of the local human resource base. Key programs highlighted include domestic and international scholarship provision, construction of student hostels and training centres, placement of students in institutions of higher learning, and the establishment of a research library. The research uses a qualitative method through archival research, official documents from Yayasan Sabah, and content analysis of education policies during the postcolonial period. The findings reveal that Yayasan Sabah successfully expanded educational access for rural and marginalized communities, thereby contributing to upward social mobility and regional socio-economic development. This study concludes that Yayasan Sabah's education policy served not only as a tool for human capital development but also as a vehicle for social transformation toward building a knowledgeable and skilled society in Sabah. This research contributes to the academic discourse on regional development by positioning education as a catalyst for structural transformation in Malaysia's less-developed regions.

**Keywords:** *Yayasan Sabah, education policy, human capital development, social transformation, regional development, postcolonial*

## **Pengenalan**

Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 telah membuka lembaran baharu dalam usaha pembangunan wilayah, khususnya bagi negeri Sabah yang ketika itu berhadapan dengan pelbagai kekangan struktur, termasuk tahap celik huruf yang rendah, kekurangan tenaga kerja berkemahiran, dan jaringan pendidikan yang terbatas (Lukin et al., 2022). Jurang pembangunan yang ketara antara Sabah dan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia menuntut pendekatan dasar yang bersifat inklusif dan berorientasikan keperluan setempat (Pang, 1989). Dalam konteks ini, penubuhan Yayasan Sabah pada 10 Mei 1966 (Sabah Foundation Enactment 1966) oleh kerajaan negeri di bawah pimpinan Tun Datu Mustapha Datu Harun merupakan langkah strategik yang bertujuan mempercepatkan pembangunan sosial dan pendidikan melalui pendekatan dasar awam yang berasaskan amanah dan pemerikasaan rakyat. Sebagai sebuah entiti pembangunan sosial, Yayasan Sabah telah merangka dan melaksanakan dasar pendidikan yang menyeluruh, meliputi pelbagai peringkat, daripada pendidikan asas hingga ke pengajian tinggi sebagai usaha memperkasa modal insan dan mengurangkan jurang pendidikan di Sabah. Antara inisiatif utama Yayasan Sabah termasuk pemberian biasiswa, pembinaan asrama dan institusi pendidikan, penghantaran pelajar ke Semenanjung Malaysia, serta sokongan terhadap penubuhan institusi pengajian tinggi dan perpustakaan penyelidikan. Dasar-dasar ini bukan sahaja memperluas akses pendidikan kepada golongan luar bandar dan terpinggir, tetapi juga berfungsi sebagai pemangkin mobiliti sosial dan pembangunan modal insan yang berdaya saing.

Keunikan pendekatan Yayasan Sabah terletak pada keupayaannya memanfaatkan hasil sumber semula jadi negeri, khususnya daripada sektor pembalakan, bagi membiayai program pendidikan secara berterusan. Ini mencerminkan satu bentuk dasar awam yang pragmatik dan berasaskan realiti tempatan, di mana pendidikan dijadikan sebagai instrumen utama dalam usaha membina masyarakat berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Dalam jangka panjang, dasar pendidikan Yayasan Sabah telah membentuk asas penting kepada pembangunan sosioekonomi negeri, sekali gus memperkukuh peranan agensi awam dalam landskap pembangunan pascakolonial Malaysia. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis secara mendalam peranan dasar pendidikan Yayasan Sabah dalam pembangunan modal insan negeri Sabah bagi tempoh 1966 hingga 1991. Tempoh ini dipilih kerana ia merangkumi era penubuhan dan pelaksanaan dasar-dasar utama Yayasan Sabah, serta perubahan dalam konteks politik dan dasar negeri yang memberi kesan langsung terhadap hala tuju pendidikan. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis sejarah dan dasar awam bagi menilai kesan dasar pendidikan terhadap struktur sosial, akses pendidikan, dan mobiliti masyarakat Sabah. Dapatan kajian ini diharap dapat memperkaya wacana akademik mengenai kaitan antara dasar pendidikan dan pembangunan wilayah, serta menyumbang kepada kefahaman yang lebih mendalam tentang peranan pendidikan sebagai instrumen transformasi sosial yang signifikan, khususnya dalam konteks Sabah sebagai sebuah negeri pascakolonial yang sejak kemerdekaan bergelut dengan cabaran ketaksamarataan pembangunan dan jurang kemajuan berbanding wilayah-wilayah di Semenanjung Malaysia.

## ***Sorotan literatur***

Sorotan literatur ini bertujuan untuk meneliti penulisan dan kajian terdahulu yang berkaitan dengan peranan dasar pendidikan Yayasan Sabah dalam pembangunan modal

insan di negeri Sabah antara tahun 1966 hingga 1991. Fokus diberikan kepada aspek sejarah penubuhan Yayasan Sabah, pelaksanaan dasar pendidikan, cabaran yang dihadapi, serta impaknya terhadap pembangunan sumber manusia tempatan. Sorotan ini turut mengenal pasti kelompangan dalam kajian lepas yang menjadi asas kepada keperluan kajian semasa. Dari sudut sejarah, Yayasan Sabah ditubuhkan pada tahun 1966 sebagai respons terhadap keperluan mendesak untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Sabah pascakemerdekaan. Menurut Kantis (1988), taraf hidup penduduk Sabah pada ketika itu masih jauh ketinggalan berbanding Semenanjung Malaysia. Tun Datu Mustapha melalui USNO dilihat sebagai pelopor utama dalam usaha memperjuangkan pembangunan sosioekonomi negeri (Leong, 1998; Datu Harun et al., 1981). Osman et al. (2008) menjelaskan bahawa Yayasan Sabah ditubuhkan bagi memajukan rakyat dalam bidang pelajaran, sosial, kebudayaan dan ekonomi. Kib (2012) pula menekankan objektif utama Yayasan Sabah adalah untuk mengagihkan kekayaan negeri kepada rakyat melalui hasil sumber semula jadi, dengan pendidikan sebagai fokus utama. Namun, kajian terdahulu kurang meneliti secara mendalam latar belakang politik dan ekonomi yang mempengaruhi penubuhan Yayasan Sabah serta struktur awal institusi tersebut yang menyokong pelaksanaan dasar pendidikan. Kekurangan ini menyulitkan pemahaman terhadap peranan asas Yayasan Sabah sebagai pemangkin pembangunan modal insan.

Dalam aspek pelaksanaan dasar pendidikan, Dali (2012) menegaskan bahawa pendidikan merupakan antara bidang kuasa negeri Sabah seperti yang termaktub dalam Perkara 20 Perjanjian Malaysia. Kajian lepas pula menyoroti usaha Yayasan Sabah dalam melahirkan tenaga kerja mahir melalui program pendidikan yang menasarkkan pelajar luar bandar dan kumpulan berpendapatan rendah. Kib (2012) menyenaraikan inisiatif seperti biasiswa, bantuan buku, kemudahan asrama dan pinjaman pendidikan sebagai strategi meningkatkan akses pendidikan. Pada era pemerintahan BERJAYA, struktur pengurusan Yayasan Sabah dirombak bagi memastikan sumber negeri digunakan secara langsung untuk pendidikan. Penubuhan institusi seperti YS-ITM dan UKML pula memperluas peluang pengajian tinggi kepada anak Sabah tanpa perlu berhijrah ke Semenanjung (Osman et al., 2008). Namun begitu, kajian-kajian yang sedia ada kurang meneliti pendekatan pelaksanaan dasar pendidikan secara terperinci, termasuk bentuk program, mekanisme pelaksanaan, dan impak langsung terhadap kumpulan sasar. Kajian juga tidak banyak menghubungkan dasar ini secara empirikal dengan pembangunan modal insan.

Yayasan Sabah turut berdepan pelbagai cabaran dalam pelaksanaan dasar pendidikannya. Hussain (1976) mencatatkan kontroversi berkaitan penglibatan Yayasan dalam sektor pembalakan sebagai sumber kewangan utama. Kekangan birokrasi, ketidaktentuan politik dan sumber kewangan turut mengganggu kesinambungan program pendidikan. Dari sudut impak, Kajian lepas menegaskan bahawa Yayasan Sabah telah membuka peluang pendidikan secara adil kepada pelajar cemerlang daripada latar belakang miskin tanpa mengira kaum atau lokasi. Peningkatan bilangan institusi dan pelajar yang mendapat akses pendidikan menunjukkan sumbangan signifikan Yayasan terhadap pembangunan modal insan. Maimanah Amin dan Warman Wagiman pula menyatakan bahawa penubuhan Tabung Amanah Pendidikan membantu mengukuhkan dana pendidikan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Namun, kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada pencapaian fizikal dan ekonomi, manakala impak sosial seperti perubahan taraf hidup, mobiliti pendidikan dan kemahiran masyarakat kurang dianalisis secara empirikal dan kritikal.

Sorotan ini menunjukkan bahawa kebanyakan kajian lampau lebih memberi tumpuan kepada tokoh politik dan parti pemerintah dalam konteks pendidikan, tanpa memberi perhatian khusus kepada peranan Yayasan Sabah sebagai pelaksana utama dasar. Kajian berkaitan dasar dan program pendidikan Yayasan Sabah juga belum cukup mendalam dari aspek pelaksanaan dan keberkesannya terhadap pembangunan modal insan. Justeru, kajian ini bertujuan mengisi kelonggaran tersebut dengan meneliti secara menyeluruh latar belakang, pelaksanaan dasar, program, cabaran serta impak pendidikan Yayasan Sabah dari tahun 1966 hingga 1991. Penekanan akan diberikan kepada tahap keberkesanan Yayasan Sabah dalam memperluas peluang pendidikan, meningkatkan akses ke institusi pengajian tinggi, serta membentuk tenaga kerja mahir yang menyumbang kepada pembangunan wilayah. Kajian ini diharap dapat memberi gambaran holistik tentang peranan Yayasan Sabah sebagai pemangkin utama pembangunan modal insan di negeri Sabah.

### ***Objektif kajian***

Kajian ini bertujuan untuk meneliti secara menyeluruh peranan dasar pendidikan Yayasan Sabah dalam membentuk pembangunan modal insan di negeri Sabah sepanjang tempoh 1966 hingga 1991. Dalam usaha memahami kesan pendidikan sebagai pemangkin pembangunan sosial, tiga objektif utama telah digariskan bagi memfokuskan arah kajian ini secara terperinci dan berstruktur. Objektif pertama adalah untuk menganalisis peranan dasar pendidikan Yayasan Sabah dalam membentuk pembangunan modal insan melalui pendekatan yang menyasarkan golongan luar bandar dan kumpulan terpinggir. Inisiatif seperti pemberian biasiswa, penghantaran pelajar ke semenanjung Malaysia, ke institusi pengajian tinggi dalam dan luar negeri, serta pembinaan prasarana pendidikan telah memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kapasiti tenaga kerja tempatan serta meningkatkan kadar celik huruf di Sabah. Objektif kedua adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan program-program pendidikan yang merangkumi bantuan kewangan, pembinaan asrama luar bandar, pinjaman pendidikan berasaskan tabung pusingan, serta penubuhan institusi pengajian tinggi seperti YS-ITM dan UKML. Kajian ini menilai sejauh mana program tersebut berjaya memperluas akses pendidikan dan mendorong mobiliti sosial, khususnya dalam kalangan pelajar dari kawasan pedalaman dan berpendapatan rendah. Objektif ketiga pula adalah untuk mengkaji impak dasar pendidikan Yayasan Sabah sebagai alat transformasi sosial dan pembangunan wilayah. Fokus diberikan kepada bagaimana dasar ini menyumbang kepada perubahan struktur sosial, pengurangan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar, serta pembentukan masyarakat berpengetahuan dan berdaya saing. Objektif ini juga melihat peranan dasar pendidikan sebagai instrumen jangka panjang dalam mewujudkan ekosistem pembangunan wilayah yang lebih adil dan inklusif.

### **Instrumen dan Metod Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam kerangka analisis sejarah dan dasar awam bagi meneliti peranan dasar pendidikan Yayasan Sabah dalam pembangunan modal insan negeri Sabah bagi tempoh 1966 hingga 1991. Pendekatan ini dipilih kerana ia memberikan ruang kepada pemahaman kontekstual yang mendalam terhadap latar sejarah pelaksanaan dasar, struktur institusi, serta kesan sosial dan ekonomi dasar tersebut dalam konteks negeri pascakolonial. Ia juga membolehkan

penelitian yang bersifat retrospektif dan interpretatif ke atas dokumen, teks dasar, dan naratif institusi. Bagi mencapai objektif kajian, tiga kaedah utama telah digunakan dalam pengumpulan dan analisis data, iaitu penyelidikan arkib, kajian kepustakaan, dan analisis kandungan dasar. Gabungan kaedah ini membolehkan triangulasi data dilaksanakan secara sistematik, seterusnya meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Penyelidikan arkib merupakan teras utama kajian ini kerana ia menyediakan akses kepada sumber primer yang autentik. Dokumen rasmi diperoleh daripada Arkib Negeri Sabah, termasuk laporan tahunan Yayasan Sabah, minit mesyuarat, memorandum biasiswa, dan ucapan rasmi pemimpin negeri yang berkaitan dengan dasar pendidikan. Dokumen-dokumen ini dianalisis secara tematik dan diskursif untuk mengenal pasti dinamika perubahan dasar, respon institusi terhadap cabaran semasa, serta orientasi strategik Yayasan Sabah dari masa ke masa.

Seterusnya, kajian kepustakaan dilaksanakan bagi memperkukuh kerangka konseptual dan menyokong analisis terhadap konteks sejarah serta dasar awam. Sumber sekunder seperti buku ilmiah, artikel jurnal, tesis sarjana, dan prosiding persidangan dianalisis untuk memahami konteks makro pembentukan dasar, serta mengenal pasti naratif ilmiah yang berkaitan dengan pembangunan modal insan di Sabah dan Malaysia secara am. Kajian kepustakaan ini juga membantu menyemak semula yang mendasari implementasi dasar pendidikan oleh Yayasan Sabah. Analisis kandungan, sebagai kaedah terakhir, digunakan untuk meneliti teks dasar termasuk pelan pembangunan pendidikan, dokumen strategi Yayasan Sabah, serta ucapan rasmi yang merangka hala tuju dasar pendidikan. Melalui pendekatan ini, kajian mengenal pasti struktur dasar, objektif pelaksanaan, dan prinsip nilai yang menjadi asas kepada intervensi pendidikan Yayasan Sabah. Secara keseluruhan, pendekatan ini membolehkan penilaian yang menyeluruh terhadap interaksi antara dasar pendidikan dan pembangunan modal insan dalam konteks negeri pascakolonial. Ia juga menonjolkan sumbangan Yayasan Sabah sebagai institusi pendidikan yang signifikan dalam pembinaan masyarakat berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing di Sabah.

### **Dapatan dan Perbincangan Kajian**

Dasar pendidikan merupakan teras penting dalam pembinaan modal insan, khususnya bagi negeri yang berdepan dengan pelbagai kekangan geografi, sosial dan ekonomi seperti Sabah. Antara tahun 1966 hingga 1991, Yayasan Sabah telah berperanan secara langsung dan signifikan dalam melaksanakan dasar pendidikan yang menyasarkan pembasmian kemiskinan, mobiliti sosial dan pembangunan sumber manusia tempatan. Kajian ini merumuskan beberapa dapatan penting yang menggambarkan bagaimana pendekatan pendidikan Yayasan Sabah memberi kesan jangka panjang terhadap pembangunan modal insan negeri.

### ***Pemberian biasiswa sebagai asas keadilan pendidikan***

Sejak ditubuhkan pada tahun 1966, Yayasan Sabah telah meletakkan pendidikan sebagai medium utama untuk membina modal insan dan mengangkat taraf hidup rakyat negeri. Antara langkah awal yang dilaksanakan ialah pemberian biasiswa kepada pelajar sekolah menengah, terutamanya mereka yang berasal dari kawasan luar bandar dan keluarga berpendapatan rendah. Program ini dilihat sebagai tonggak awal ke arah pelaksanaan dasar pendidikan yang berteraskan keadilan sosial. Pemberian biasiswa bukan sekadar untuk menampung keperluan asas pembelajaran seperti yuran dan buku

teks, tetapi turut meliputi insentif penting seperti pakaian seragam, elaun makanan dan sokongan logistik lain. Inisiatif ini secara langsung membuka ruang kepada lebih ramai pelajar bumiputera Sabah untuk mengekalkan penyertaan dalam sistem pendidikan formal tanpa beban kewangan yang melampau. Antara tahun 1967 hingga 1975, sebanyak 11,177 pelajar telah mendapat manfaat daripada program biasiswa Yayasan Sabah dengan jumlah peruntukan melebihi RM1.6 juta. Program ini dilaksanakan secara meritokratik, di mana pembaharuan biasiswa dilakukan setiap tahun berdasarkan prestasi akademik pelajar (Stephens, 1976). Ciri keterbukaan ini menunjukkan bahawa Yayasan Sabah tidak mengamalkan diskriminasi etnik atau agama, sebaliknya menitikberatkan prinsip kesaksamaan dan keberhasilan dalam pendidikan. Dapatan ini membuktikan bahawa Yayasan Sabah telah berperanan bukan sekadar sebagai pemberi bantuan, tetapi sebagai pemangkin kepada perubahan sosial. Melalui biasiswa, peluang mobiliti sosial dapat dipertingkatkan, kadar keciciran pelajar dapat dikurangkan, dan semangat juang untuk terus belajar dapat dipupuk. Dalam konteks pembangunan dasar awam, pendekatan ini menjadi model yang inklusif dan mampan, serta relevan untuk dirujuk oleh entiti lain yang ingin melaksanakan intervensi pendidikan secara adil dan efektif.

### ***Pendidikan rentas wilayah memperkasa modal insan***

Dalam usaha memperluas akses pendidikan dan merapatkan jurang pembangunan antara wilayah, Yayasan Sabah telah memperkenalkan program penghantaran pelajar ke Semenanjung Malaysia bermula pada tahun 1968. Peringkat awal hingga Mac 1977. Sebanyak 1977 pelajar dari pelbagai daerah di Sabah dihantar ke semenanjung di institusi menengah terpilih. Program ini disertai dengan bantuan menyeluruh merangkumi pakaian seragam, buku teks, elaun makanan, wang saku, dan tambang perjalanan pergi balik sebagai suatu sokongan logistik yang komprehensif dan menyeluruh (Stephens, 1976). Program ini bukan sahaja berperanan meningkatkan mutu pendidikan pelajar luar bandar, malah telah menjadi medan penting untuk pembinaan identiti nasional dan pemeraksanaan integrasi sosial. Pelajar Sabah yang berinteraksi dengan rakan-rakan dari pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia memperlihatkan perubahan ketara dari segi sahsiah, kesedaran kenegaraan, dan kepelbagaian pemikiran. Dapatan menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada mereka berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang dan melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi, sama ada dalam atau luar negara. Alumni program ini telah kembali menyumbang kepada Sabah dalam pelbagai sektor, seperti pendidikan, pentadbiran awam, kejuruteraan, dan perniagaan. Ini menandakan keberhasilan pendekatan dasar yang tidak hanya bersifat kebajikan, tetapi turut memacu pembangunan sumber manusia berkemahiran tinggi secara strategik. Tuntasnya, model rentas wilayah ini telah berjaya memposisikan pendidikan sebagai alat intervensi sosial dan ekonomi yang sangat berkesan dalam konteks pembinaan modal insan serta memperkukuh perpaduan dalam negara bangsa Malaysia yang bersifat majmuk.

### ***Pembinaan asrama luar bandar dan sokongan infrastruktur pendidikan***

Menyedari kekangan geografi dan sosioekonomi yang dialami pelajar luar bandar, Yayasan Sabah telah melaksanakan pendekatan bersifat intervensi fizikal dan sosial melalui pembinaan sebanyak 12 buah asrama pelajar di seluruh negeri antara tahun 1972 hingga 1974. Inisiatif ini bertujuan mengatasi masalah akses pendidikan dengan

menyediakan kemudahan tempat tinggal yang strategik berdekatan pusat pendidikan menengah (Stephens, 1976). Asrama-asrama tersebut menampung lebih 820 pelajar dan menelan belanja melebihi RM1.2 juta, memperlihatkan pelaburan jangka panjang yang signifikan dalam pembangunan modal insan. Dari sudut reka bentuk dan fasiliti, kompleks asrama ini merangkumi dewan makan, bilik mandi moden, dapur, ruang belajar, perpustakaan kecil serta penginapan penyelia untuk pemantauan. Sesetengah kompleks turut dilengkapi kemudahan sukan dan ruang interaksi sosial bagi menyokong keseimbangan mental dan fizikal pelajar (Stephens, 1976). Dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif, projek ini berjaya meningkatkan motivasi dan prestasi akademik pelajar yang sebelum ini berdepan jarak jauh, kemiskinan, dan kekurangan kemudahan asas di kampung halaman mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kadar keciciran pelajar luar bandar menurun secara ketara selepas pembinaan asrama. Selain itu, pendekatan ini dilihat sebagai mekanisme penting dalam merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar serta mengurangkan ketidaksamaan peluang pendidikan. Strategi Yayasan Sabah ini memperlihatkan integrasi elemen fizikal dan kebajikan dalam dasar pendidikan yang bersifat inklusif dan holistik, selari dengan matlamat pembangunan saksama di Sabah.

### ***Penubuhan institusi pengajian tinggi tempatan: YS-ITM dan UKML***

Dalam usaha memperkukuh pembangunan modal insan negeri Sabah secara menyeluruh, Yayasan Sabah telah melaksanakan strategi jangka panjang melalui penubuhan dua institusi pengajian tinggi penting, iaitu Yayasan Sabah–Institut Teknologi MARA (YS-ITM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia Cawangan Limau (UKML). Pendekatan ini tidak hanya memberi akses kepada pendidikan tinggi, tetapi juga memperlihatkan usaha membina kapasiti teknikal dan profesional secara setempat. YS-ITM mula beroperasi pada Ogos 1973 di kampus sementara Sembulan sebelum berpindah ke kampus tetap di Kuala Menggatal. Tapak seluas 304 hektar telah didermakan oleh Yayasan Sabah, manakala RM5 juta diperuntukkan bagi pembangunan awal kampus. Kemudian, Kerajaan Persekutuan turut menyumbang dana tambahan untuk pembinaan fasa lanjut. Institusi ini menawarkan kursus separa profesional dan profesional dalam bidang perniagaan, sains, dan pentadbiran, di mana pelajar Sabah mendapat peluang mengikuti pengajian tinggi tanpa perlu berhijrah keluar negeri. UKML pula ditubuhkan pada tahun 1974 di Kinarut sebagai pusat pra-Sains, sebelum berpindah ke kampus tetap di Teluk Likas pada awal 1980-an. Program ini memberi tumpuan kepada pelajar Sabah yang berhasrat mengikuti pengajian perubatan dan sains di UKM. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar yang berjaya menamatkan kursus pra-Sains dihantar ke kampus utama UKM, membuktikan keberkesanan laluan pendidikan tinggi secara berfasa. Kedua-dua institusi ini memperlihatkan sumbangan Yayasan Sabah dalam memperluas peluang pendidikan tinggi yang berkualiti, mengurangkan kebergantungan kepada institusi di Semenanjung, dan membentuk tenaga kerja berdaya saing. Pendekatan ini selari dengan matlamat pembangunan jangka panjang negeri, iaitu membina ekosistem pendidikan yang mampu menyokong kemajuan ekonomi dan sosial secara berterusan.

### ***Sistem pinjaman pendidikan berasaskan tabung pusingan***

Selain biasiswa, Yayasan Sabah turut mengorak langkah berani dengan memperkenalkan sistem pinjaman pendidikan berasaskan konsep tabung pusingan, satu

pendekatan kewangan yang lebih lestari dan bersifat jangka panjang. Sehingga tahun 1991, Yayasan telah membelanjakan RM137.24 juta bagi menyokong pembiayaan pendidikan pelajar Sabah, dan daripada jumlah itu, sebanyak RM61.2 juta disalurkan sebagai pinjaman kepada 2,558 pelajar. Konsep tabung pusingan ini membolehkan peminjam membayar balik pinjaman setelah tamat pengajian, dan dana tersebut kemudiannya digunakan untuk membiayai pelajar baharu, sekali gus mewujudkan satu ekosistem bantuan pendidikan yang berterusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sistem ini memperkukuh prinsip keamanan kewangan dan kebertanggungjawaban sosial. Ia membentuk kesedaran dalam kalangan pelajar bahawa bantuan yang diterima bukan bersifat satu hala, tetapi melibatkan tanggungjawab jangka panjang kepada masyarakat. Mekanisme ini juga mengurangkan kebergantungan kepada dana luar dan menjadikan Yayasan Sabah sebagai entiti pembiayaan pendidikan yang lebih berdaya tahan dan mandiri. Model ini amat berbeza dengan pendekatan biasiswa konvensional kerana ia membolehkan kitaran bantuan berlaku tanpa pengurangan peruntukan tahunan yang signifikan. Tambahan pula, konsep ini memberi peluang kepada lebih ramai pelajar mendapat manfaat, termasuk pelajar dari latar belakang sederhana yang tidak layak menerima biasiswa tetapi memerlukan bantuan kewangan. Jelaslah, sistem pinjaman pendidikan berasaskan tabung pusingan bukan sahaja membuktikan kecekapan Yayasan Sabah dalam pengurusan dana, tetapi juga menjadi rujukan dasar awam yang progresif dan sesuai diterapkan oleh negeri-negeri lain yang ingin memupuk keamanan dalam bidang pendidikan tinggi.

### ***Khidmat bimbingan kerjaya dan kaunseling***

Dalam usaha menjadikan pendidikan sebagai platform holistik pembangunan insan, Yayasan Sabah telah memperluas fungsinya melalui penubuhan Jabatan Panduan Kerjaya dan Kaunseling. Jabatan ini mula beroperasi pada awal 1980-an dengan misi menyokong pelajar dan graduan bukan sahaja dari segi akademik, tetapi juga dalam aspek kebolehpasaran, pembangunan kerjaya, dan kesejahteraan psikologi. Antara tahun 1981 hingga 1991, jabatan ini berjaya memberikan khidmat kepada 56,856 individu serta menganjurkan lebih 2,162 seminar dan bengkel yang merangkumi persediaan menghadapi alam pekerjaan, penulisan resume, simulasi temuduga, dan pemilihan laluan kerjaya. Pendekatan ini mencerminkan kefahaman Yayasan Sabah terhadap keperluan untuk membina modal insan yang berfungsi sepenuhnya, bukan sekadar berkelulusan tinggi tetapi juga memiliki daya tahan emosi, kemahiran insaniah dan kejelasan matlamat hidup. Ramai peserta berjaya mendapat penempatan pekerjaan dalam sektor kerajaan, swasta dan latihan industri, dengan sebahagian besar daripadanya merupakan alumni tajaan yayasan sendiri. Peranan jabatan ini turut memperlihatkan elemen sokongan psikososial seperti kaunseling individu, khidmat nasihat telefon dan surat, yang penting dalam mendepani tekanan pasca-pengajian. Dapatan menunjukkan bahawa inisiatif ini menyumbang kepada penurunan kadar pengangguran dalam kalangan lepasan pelajar serta meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan di Sabah. Malah, ia memperkukuh lagi rangkaian sokongan dalam ekosistem pendidikan negeri dan menjadi pelengkap kepada dasar pendidikan inklusif dan berorientasikan pembangunan berterusan. Dirumuskan, pendekatan Yayasan Sabah dalam menyediakan khidmat bimbingan kerjaya dan kaunseling adalah manifestasi komitmen terhadap pembangunan insan yang bersifat menyeluruh dengan menggabungkan ilmu, kemahiran dan keseimbangan psikologi sebagai asas kepada kemajuan individu dan negeri.

### ***Penubuhan perpustakaan penyelidikan Tun Haji Mohd. Fuad Stephens***

Dalam konteks pembangunan budaya ilmu dan pengukuhan warisan intelektual, Yayasan Sabah telah menubuhkan Perpustakaan Penyelidikan Tun Haji Mohd. Fuad Stephens sebagai satu langkah strategik dalam memperluas akses kepada maklumat, dokumentasi sejarah dan penyelidikan berorientasikan Sabah dan Asia Tenggara. Perpustakaan ini, yang mula beroperasi sejak tahun 1977, menempatkan lebih 65,082 jilid buku, dokumen sejarah, jurnal, mikrofilem, peta dan pelbagai bahan rujukan yang merangkumi pelbagai bidang seperti sejarah, sosiologi, antropologi, dan pembangunan masyarakat Borneo. Dapatan menunjukkan bahawa perpustakaan ini berfungsi bukan sahaja sebagai pusat ilmu untuk pelajar dan pensyarah, tetapi juga menjadi tumpuan para penyelidik dan pemikir tempatan serta antarabangsa yang ingin memahami secara mendalam konteks sosioekonomi dan budaya Sabah. Ia turut dilengkapi dengan kemudahan seperti bilik seminar, ruang kajian terbuka, koleksi audio-visual, sistem teleks antarabangsa, mikrofilem serta arkib mini yang memaparkan memorabilia penting Allahyarham Tun Haji Mohd. Fuad Stephens. Langkah Yayasan Sabah ini memperlihatkan kepekaan terhadap keperluan dokumentasi sejarah dan penyebaran ilmu secara terancang, sekaligus menjadikan perpustakaan ini sebagai aset intelektual negeri. Ia juga memberi impak langsung terhadap pembangunan modal insan, khususnya dalam melatih generasi pelajar dan penyelidik yang mempunyai kemahiran menganalisis sejarah dan dasar secara kontekstual. Dapatan menunjukkan peningkatan keahlian tahunan dan penggunaan bahan perpustakaan oleh institusi pengajian tinggi, jabatan kerajaan dan penyelidik bebas. Oleh itu, penubuhan perpustakaan ini bukan sahaja mengukuhkan citra Yayasan Sabah sebagai pelopor pembangunan sosial, tetapi turut melengkapkan ekosistem pendidikan negeri dalam mewujudkan masyarakat berpengetahuan yang mampu memelihara warisan sejarah dan membina masa depan berasaskan ilmu.

### ***Implikasi umum terhadap pembangunan sosial dan ekonomi Sabah***

Dapatan kajian secara menyeluruh menunjukkan bahawa dasar pendidikan yang digerakkan oleh Yayasan Sabah telah memberi kesan signifikan terhadap lanskap pembangunan sosial dan ekonomi negeri. Dalam tempoh 1966 hingga 1991, pelbagai inisiatif pendidikan, termasuk biasiswa, pembinaan infrastruktur, penghantaran pelajar rentas wilayah, dan penubuhan institusi pengajian tinggi tempatan yang berjaya menghasilkan impak jangka panjang terhadap pembentukan modal insan di Sabah. Salah satu pencapaian ketara ialah pengurangan kadar buta huruf dan peningkatan akses kepada pendidikan menengah dan tinggi dalam kalangan masyarakat luar bandar. Lebih penting lagi, pendekatan Yayasan Sabah bersifat lokal dan respon terhadap realiti komuniti yang tidak bergantung sepenuhnya kepada model pendidikan dari pusat. Inisiatif seperti pembinaan asrama pelajar pedalaman, program kerjaya dan kaunseling, serta sistem pinjaman berasaskan tabung pusingan memperlihatkan pemahaman mendalam terhadap cabaran sebenar masyarakat Sabah. Melalui pendekatan inklusif dan responsif, Yayasan Sabah telah merapatkan jurang sosioekonomi dan memperkukuh mobiliti sosial dalam kalangan generasi muda negeri ini. Kesan makro dasar ini turut memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi Sabah secara berstruktur. Tenaga kerja tempatan yang terlatih dan berpengetahuan mula memenuhi sektor kritikal seperti pentadbiran awam, pendidikan, teknikal dan kesihatan. Ini

mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar dan membentuk ekosistem pembangunan yang lebih mandiri dan dinamik. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa model pendidikan dan pembangunan insan yang dilaksanakan oleh institusi semi-autonomi seperti Yayasan Sabah bukan sahaja efektif, tetapi juga lebih bersifat kontekstual, berakar dalam masyarakat setempat, serta mampu melengkap fungsi kerajaan pusat dalam mencapai pembangunan yang lebih saksama dan mapan di Sabah.

Dasar pendidikan Yayasan Sabah antara tahun 1966 hingga 1991 memperlihatkan satu pendekatan pembangunan sosial yang bersifat menyeluruh, bersepadu dan berorientasikan rakyat. Perbincangan ini menilai dapatan kajian berdasarkan ciri utama dalam artikel iaitu keaslian dapatan dan sumbangan baharu, penggunaan sumber primer dan data empirikal, kontekstualisasi sejarah dan dasar awam, sumbangan kepada wacana akademik, disamping disokong oleh analisis kritikal terhadap keberkesanan dan cabaran pelaksanaan.

### ***Keaslian dapatan dan sumbangan baharu***

Salah satu sumbangan kritikal kajian ini ialah penegasan terhadap keaslian pendekatan Yayasan Sabah dalam membentuk dasar pendidikan yang bersifat kontekstual dan responsif, khususnya dalam tempoh 1966 hingga 1991. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa Yayasan Sabah bukan sekadar bertindak sebagai pelaksana dasar pendidikan, tetapi juga sebagai pemacu transformasi sosial melalui pelbagai strategi yang melampaui kerangka pentadbiran konvensional. Keaslian dapatan ini terletak pada pengenalpastian bahawa Yayasan Sabah mula beralih kepada pendekatan pendidikan berasaskan komuniti menjelang awal tahun 1980-an, sesuatu yang belum mendapat perhatian meluas dalam perbincangan dasar awam nasional. Pendekatan tersebut menandakan satu perubahan paradigma penting, daripada pelaksanaan program yang bersifat hierarki dan top-down, kepada pelaksanaan yang lebih fleksibel, inklusif dan participatif. Penduduk luar bandar, khususnya komuniti Bumiputera Sabah, diberi ruang untuk terlibat secara langsung dalam proses perancangan dan penilaian program pendidikan yang menyentuh kehidupan mereka. Ini bukan sahaja meningkatkan rasa pemilikan terhadap pendidikan anak-anak mereka, tetapi turut memperkukuh keberdayaan komuniti melalui peningkatan kadar penyertaan sekolah menengah dan pendidikan tinggi. Perubahan ini memberikan kesan mendalam terhadap struktur sosial Sabah, khususnya dalam merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar serta memperluas mobiliti sosial masyarakat luar bandar. Dapatan ini turut mencabar model pendidikan bersifat seragam dan tersentralisasi seperti yang diamalkan oleh pentadbiran pendidikan Persekutuan. Pendekatan Yayasan Sabah menunjukkan bahawa pendidikan yang digerakkan secara lokal dan disesuaikan dengan keperluan setempat mampu menghasilkan impak yang lebih berkesan dan berterusan.

Lebih menarik lagi, dapatan menunjukkan bahawa penubuhan institusi pengajian tinggi seperti YS-ITM dan UKML oleh Yayasan Sabah merupakan contoh nyata kepada strategi negara pembangunan (developmental state). Kedua-dua institusi ini dibentuk bukan hanya untuk memperluas peluang pengajian tinggi, tetapi juga sebagai langkah memperkukuh kapasiti negeri dalam melahirkan tenaga profesional dan teknikal tempatan yang diperlukan untuk sektor pentadbiran, perindustrian, pendidikan dan kesihatan. Ini mengurangkan kebergantungan terhadap institusi di Semenanjung Malaysia dan menyemarakkan pembentukan ekosistem pendidikan tinggi yang lebih mapan di Sabah. Di sebalik pelaksanaan dasar yang bersifat inklusif, pendekatan

Yayasan Sabah terhadap agihan pendidikan menunjukkan kepekaan terhadap latar belakang etnik yang pelbagai di Sabah. Dapatan menunjukkan bahawa program biasiswa dan pinjaman pendidikan melibatkan pelajar daripada kaum-kaum minoriti seperti Dusun, Murut, Bajau dan Rungus, sekali gus menandakan usaha ke arah mengurangkan ketaksamaan etnik dalam akses pendidikan. Namun begitu, kajian ini mendapati bahawa elemen kesaksamaan jantina masih kurang ditekankan dalam dokumentasi awal dasar pendidikan Yayasan Sabah. Walaupun tiada bukti diskriminasi secara langsung terhadap pelajar perempuan, ketiadaan data gender dalam statistik penerima biasiswa dan program sokongan membataskan penilaian terhadap keberkesanan dasar dari segi pembinaan modal insan wanita. Justeru, penelitian lanjut diperlukan bagi menilai sejauh mana program pendidikan Yayasan Sabah berjaya menangani ketaksamaan gender secara sistematik. Jelaslah bahawa, dapatan ini menolak naratif lama bahawa Sabah sekadar menumpang sistem dari pusat. Sebaliknya, Yayasan Sabah memperlihatkan keupayaan untuk membentuk dasar secara bottom-up, dengan kefahaman mendalam terhadap konteks lokal, kehendak masyarakat, dan keperluan pembangunan negeri. Oleh itu, keaslian dapatan ini bukan sahaja menyumbang kepada literatur sejarah dasar pendidikan negeri, malah membuka ruang kepada penggubalan dasar pembangunan insan yang lebih mapan bagi masa depan Sabah dan wilayah-wilayah yang berkongsi cabaran yang sama.

### ***Penggunaan sumber primer dan data empirikal***

Kekuatan intelektual dan kredibiliti akademik kajian ini disandarkan pada penggunaan sumber primer dan data empirikal yang kukuh. Perbincangan ini berjaya memanfaatkan bahan-bahan seperti Laporan Tahunan Yayasan Sabah, statistik enrolmen pelajar, teks ucapan pemimpin, dokumen rasmi kerajaan negeri serta rekod pelaksanaan program pendidikan. Penggunaan sumber primer ini bukan sahaja membina ketepatan fakta, tetapi juga membuka ruang analisis sejarah yang lebih mendalam dan objektif dalam menilai keberkesanan dasar pendidikan Yayasan Sabah dari tahun 1966 hingga 1991. Sebagai contoh, statistik menunjukkan peningkatan jumlah murid sekolah rendah daripada 63,482 pada tahun 1963 kepada 125,255 pada tahun 1976. Angka ini bukan sekadar menggambarkan pertumbuhan populasi, tetapi mencerminkan impak dasar pendidikan awal Yayasan Sabah yang memperkenalkan bantuan kewangan kepada keluarga berpendapatan rendah, menyediakan pengangkutan pelajar luar bandar dan membangunkan kemudahan asas sekolah di pedalaman. Perkara ini membuktikan bahawa pendidikan tidak dilaksanakan sekadar sebagai intervensi bersifat luaran, tetapi sebagai pendekatan strategik untuk membentuk struktur sosial yang berasaskan prinsip inklusiviti dan pemeraksaan masyarakat. Selain itu, kajian ini turut mendedahkan bahawa 33,834 pelajar (1967-1991) telah menerima biasiswa dan pinjaman pendidikan, dengan lebih 3,671 (1966-1990) pelajar dihantar ke institusi pengajian menengah di Semenanjung Malaysia, satu langkah yang memperlihatkan pelaksanaan intervensi berskala besar bagi mempercepatkan mobiliti pendidikan dan integrasi nasional. Perbelanjaan melebihi RM137.24 juta (1967-1991) yang direkodkan dalam laporan Yayasan Sabah membuktikan komitmen terhadap pembangunan modal insan secara sistematik, berterusan dan berpandukan data.

Dapatan sebegini memperkukuh naratif bahawa Yayasan Sabah telah bertindak sebagai pelaksana dasar pendidikan yang bukan hanya berpaksikan kepada keperluan pembelajaran semata-mata, tetapi juga sebagai aktor pembangunan sosial. Penggunaan sumber primer yang sahih dan statistik sebenar dalam kajian ini menjadikan hujah lebih

empirikal dan bukan sekadar bersifat retorik akademik. Kajian juga membuktikan bahawa intervensi Yayasan Sabah berjaya mengisi jurang dasar yang tidak dicukupi oleh kerajaan Persekutuan, khususnya dalam konteks lokal Sabah. Ia menunjukkan bagaimana institusi negeri boleh bertindak secara berkesan apabila digerakkan melalui kefahaman terhadap konteks budaya, geografi dan ekonomi setempat. Kajian ini lantas memperlihatkan pendidikan sebagai medium pembangunan struktural, bukan hanya untuk melahirkan pelajar berilmu, tetapi juga memperkasakan komuniti secara keseluruhan. Tuntasnya, penggunaan sumber primer dan data empirikal dalam kajian ini membuktikan bahawa dasar pendidikan Yayasan Sabah tidak dilaksanakan secara abstrak atau normatif, tetapi berpaksikan kepada realiti lapangan yang diukur, dinilai dan disusun secara sistematik. Inilah yang memberi nilai tambah kepada perbincangan ini dalam wacana sejarah dasar awam Malaysia, khususnya berkaitan pembangunan pendidikan di wilayah periferi seperti Sabah.

### ***Kontekstualisasi sejarah dan dasar awam***

Perbincangan ini menekankan bahawa pelaksanaan dasar pendidikan Yayasan Sabah perlu difahami dalam kerangka sejarah dan keperluan pembangunan tempatan selepas Sabah menyertai Malaysia pada tahun 1963. Ketika itu, Sabah berada dalam keadaan sosioekonomi yang jauh tertinggal berbanding negeri-negeri lain, dengan infrastruktur pendidikan yang terhad serta kekurangan tenaga kerja mahir tempatan. Keperluan mendesak untuk membina identiti nasional dan membangunkan kapasiti insan menjadikan pendidikan satu medium penting dalam usaha transformasi negeri. Yayasan Sabah tidak sekadar melaksanakan dasar yang dirumus oleh pusat, sebaliknya tampil sebagai pelengkap dan pelaksana yang kontekstual terhadap realiti Sabah. Ini terbukti melalui pendekatan inklusif yang menyasarkan komuniti tempatan seperti Murut, Dusun, Rungus dan Bajau, yang sering kali terpinggir dalam dasar pendidikan arus perdana. Program INSPIRE (Sistem Panduan Pendidikan yang Tersusun) merupakan contoh intervensi Yayasan Sabah yang dirancang khusus untuk meningkatkan mutu pedagogi di sekolah luar bandar. Program ini melibatkan kerjasama strategik antara Yayasan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Universiti Sains Malaysia yang memperlihatkan kebolehan dasar awam bersifat rentas institusi dan responsif. Konteks sejarah ini menunjukkan bagaimana Yayasan Sabah mengambil peranan aktif dalam menjelaskan jurang dasar antara Persekutuan dan keperluan negeri. Walaupun Dasar Pendidikan Kebangsaan menetapkan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama, pelaksanaannya di Sabah dibuat secara berperingkat dan fleksibel agar sesuai dengan latar budaya pelajar luar bandar. Pendekatan ini mengelakkan ketegangan dasar, serta memberi ruang kepada penerimaan dan keberkesanan yang lebih tinggi.

Dari sudut dasar awam, Yayasan Sabah memperlihatkan satu model pelaksanaan dasar bersifat adaptif, iaitu menggabungkan antara kehendak pusat dan keperluan lokal. Yayasan tidak bertindak sebagai subordinat kepada pusat, tetapi sebagai pelaksana yang kreatif, inovatif dan berkebolehsuaian. Peranan ini sangat penting dalam konteks Sabah yang mempunyai ciri etnik, geografi dan sejarah yang unik dan tidak sesuai dipadankan secara seragam. Kajian ini turut membawa wacana baharu bahawa pembangunan pendidikan dan pembentukan modal insan di Sabah bukan sekadar hasil dasar nasional, tetapi bergantung kepada institusi negeri yang memahami perbezaan masyarakat tempatan. Peranan Yayasan Sabah sebagai agensi pembangunan sosial dan pendidikan yang bersifat amanah memberi ruang kepada implementasi dasar yang lebih fleksibel, dan ini menjadi faktor utama kepada pencapaian yang mampan. Setelah diteliti,

pendekatan Yayasan Sabah telah berjaya menyesuaikan keperluan pembangunan tempatan dengan dasar pendidikan kebangsaan melalui pendekatan yang kontekstual, berfasa dan inklusif. Kajian ini membuka ruang penting dalam perbincangan dasar awam tentang bagaimana pelaksanaan dasar yang berpaksikan kepada realiti lokal mampu menghasilkan hasil yang lebih lestari dalam jangka panjang, sekaligus membentuk identiti negeri yang progresif dan berdaya saing.

### ***Sumbangan kepada wacana akademik dan dasar pendidikan***

Perbincangan ini memberi sumbangan bermakna dalam memperluas wacana akademik dan dasar pendidikan, khususnya dalam menilai peranan institusi bukan kerajaan seperti Yayasan Sabah dalam membentuk pendekatan dasar yang lebih responsif dan kontekstual. Berbanding sistem pendidikan nasional yang sering berorientasikan pusat dan cenderung mengabaikan kekhususan lokal, model yang ditunjukkan oleh Yayasan Sabah memberikan alternatif yang bersifat inklusif, berakar komuniti dan adaptif terhadap realiti geografi serta budaya negeri Sabah. Yayasan Sabah, sebagai institusi semi-autonomi, berjaya memperlihatkan bagaimana pendidikan dapat dijadikan alat pembebasan structural, bukan sahaja dalam menyediakan ilmu pengetahuan tetapi dalam membina kapasiti komuniti terpinggir seperti Murut, Bajau, Dusun dan Rungus. Pendekatan yang menekankan keadilan sosial, pemberdayaan tempatan dan penyesuaian budaya menjadikan dasar pendidikan sebagai proses pemberdayaan holistik, bukan sekadar agenda formal pentadbiran. Kajian ini turut memperkukuh perbincangan bahawa pendidikan bukanlah satu proses yang bersifat teknokratik atau linear semata-mata, tetapi satu instrumen pembentukan masyarakat madani yang mapan dan berdaya saing. Melalui program seperti INSPIRE, pembinaan asrama luar bandar, dan penghantaran pelajar ke Semenanjung Malaysia, Yayasan Sabah menunjukkan bahawa pendidikan boleh dihubungkan terus kepada cita-cita pembangunan sosial, integrasi nasional, dan pembentukan identiti kolektif yang demokratik dan progresif.

Dalam konteks wacana akademik, dapatan kajian membuka ruang kepada eksplorasi semula terhadap teori pembangunan negara (*developmental state*) dalam kerangka pendidikan. Yayasan Sabah bertindak sebagai pelaksana dasar yang turut merancang dan memandu halatuju pembangunan modal insan melalui institusi seperti YS-ITM dan UKML. Peranan ini secara teori mengangkat institusi negeri sebagai aktor pembangunan yang signifikan dan bukan sekadar rakan pelaksana kepada pusat. Ini memberi kesan kepada pemikiran dasar baharu bahawa pembangunan pendidikan harus bermula dari komuniti dan bukan berasaskan piawai pusat yang seragam. Sebagai saranan dasar, pendekatan Yayasan Sabah wajar dijadikan model rujukan bagi pembentukan dasar pendidikan yang lebih mampan dan kontekstual, terutamanya di wilayah pedalaman, luar bandar dan etnik minoriti. Institusi seumpamanya boleh diberi autonomi untuk merancang, mengurus dan melaksanakan program berdasarkan keperluan lokal, dalam rangka penyelarasan yang longgar dengan pusat. Pendekatan ini bukan sahaja lebih demokratik, tetapi juga menjamin keberkesanan jangka panjang dan keterangkuman sosial. Jelaslah bahawa, sumbangan Yayasan Sabah kepada wacana dasar pendidikan dan akademik bukan sekadar dalam bentuk pelaksanaan program, tetapi juga sebagai penanda arah kepada pembentukan dasar yang lebih adil, relevan dan manusiawi sebagai suatu pelajaran penting dalam pembangunan nasional yang berasaskan realiti dan bukan retorik.

### ***Analisis kritis terhadap keberkesanan dan cabaran pelaksanaan***

Kajian ini bukan sahaja membentangkan keberhasilan dasar pendidikan Yayasan Sabah sepanjang tahun 1966 hingga 1991, tetapi turut menganalisis secara kritikal cabaran besar yang menghambat kesinambungan dan keberkesanan program-program tersebut. Salah satu isu utama yang dikenalpasti ialah kebergantungan Yayasan Sabah terhadap hasil industri pemalakan sebagai sumber utama pembiayaan pendidikan. Program penghantaran pelajar ke Semenanjung Malaysia terbukti meningkatkan integrasi nasional dan memberi pendedahan kepada pelajar luar bandar terhadap sistem pendidikan yang lebih maju. Dari sudut prasarana pendidikan, Yayasan Sabah sememangnya proaktif melalui pembinaan 12 buah asrama pelajar di kawasan strategik. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut masih belum mencukupi untuk menampung semua pelajar dari kawasan terpencil yang berhadapan dengan cabaran akses pendidikan. Ramai pelajar masih terpaksa menempuh perjalanan jauh atau tinggal di tempat tidak selamat demi meneruskan pembelajaran. Ini menandakan perlunya kerjasama rentas agensi antara Yayasan Sabah, kerajaan negeri dan Persekutuan untuk memperluaskan lagi pelaburan dalam kemudahan pendidikan yang bersifat menyeluruh dan lestari.

Cabaran ini memperlihatkan bahawa pelaksanaan dasar pendidikan memerlukan perancangan yang lebih mampan, menyeluruh dan fleksibel, bukan hanya dari segi pembiayaan tetapi juga pembangunan ekonomi sokongan dan infrastruktur jangka panjang. Kajian ini menegaskan bahawa intervensi pendidikan tidak harus berdiri sendiri, sebaliknya mesti diintegrasikan dengan strategi pembangunan ekonomi, dasar pekerjaan dan perancangan wilayah. Hanya dengan pendekatan sedemikian, agenda pembangunan modal insan yang digerakkan melalui pendidikan akan mampu memberikan impak berpanjangan kepada kesejahteraan negeri Sabah. Sebagai perbandingan, pendekatan Yayasan Sabah dalam melaksanakan dasar pendidikan memperlihatkan kelainan ketara berbanding institusi pendidikan negeri lain seperti Yayasan Sarawak (Mutalib, 2009). Walaupun kedua-dua entiti bertujuan memperkasa pendidikan wilayah pascakolonial, Yayasan Sabah menonjol melalui strategi pendidikan rentas wilayah dan penubuhan institusi pengajian tinggi tempatan yang bersifat lebih mandiri. Perbandingan ini memperkukuh sumbangan artikel dalam wacana pembangunan wilayah kerana ia memaparkan bahawa pelaksanaan dasar pendidikan yang bersifat lokal dan berasaskan sumber negeri mampu menghasilkan impak yang lebih lestari berbanding pendekatan yang terlalu bergantung kepada pusat.

### **Kesimpulan**

Keseluruhan perbincangan ini menekankan bahawa dasar pendidikan yang digerakkan oleh Yayasan Sabah antara tahun 1966 hingga 1991 telah memainkan peranan teras dalam pembentukan modal insan negeri Sabah secara lebih inklusif dan kontekstual. Inisiatif seperti pemberian biasiswa, penghantaran pelajar rentas wilayah, pembinaan asrama luar bandar, penubuhan institusi pengajian tinggi tempatan serta sokongan psikososial melalui kaunseling kerjaya bukan sahaja meluaskan akses pendidikan, tetapi turut memperkukuh struktur sosial yang lebih adil dan responsif terhadap keperluan tempatan. Analisis terhadap pelaksanaan program mendapati bahawa pendekatan pelbagai lapis yang diamalkan oleh Yayasan Sabah bersifat sistematik, adaptif dan bersandarkan realiti masyarakat Sabah. Dalam konteks sistem federalisme, Yayasan Sabah berperanan sebagai pemacu dasar alternatif yang mampu

menampung jurang yang tidak diisi oleh dasar persekutuan, dan dalam masa yang sama mempelbagaikan naratif pendidikan kebangsaan dengan menampilkan keperluan wilayah yang sering kali tenggelam dalam arus dominan dasar nasional. Gabungan sumber yang sah, pengalaman pelaksanaan serta naratif sejarah menjadikan perbincangan ini bukan sahaja memiliki nilai akademik, malah memberi sumbangan praktikal dalam wacana dasar awam. Dapatan seperti peningkatan enrolmen sekolah rendah, penglibatan pelajar luar bandar dalam pendidikan tinggi, dan pencapaian pelajar dalam peperiksaan nasional membuktikan impak konkrit daripada strategi yang dilaksanakan. Kajian ini turut menyerlahkan keperluan kepada kerjasama rentas agensi agar pelaksanaan dasar pendidikan dapat digerakkan secara lebih lestari dan bersepadu. Secara keseluruhannya, pendidikan yang dilaksanakan melalui kerangka Yayasan Sabah bukan sekadar berfungsi sebagai medium pengajaran, tetapi sebagai instrumen transformasi sosial dan pembangunan masyarakat. Model dasar pendidikan yang dibentuk berasaskan prinsip kontekstual, demokratik dan berakar komuniti ini wajar dijadikan rujukan dalam pembentukan dasar pendidikan yang lebih saksama dan sensitif kepada dimensi lokal. Pendekatan ini akhirnya menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang lebih seimbang, adil dan bersedia menghadapi cabaran masa depan secara kolektif.

### **Penghargaan**

Pengarang ingin mengucapkan penghargaan kepada Yayasan Sabah, Arkib Negeri Sabah dan Perpustakaan Penyelidikan Tun Haji Mohd. Fuad Stephens atas segala bantuan, kerjasama serta akses kepada bahan-bahan rujukan dan dokumen berharga yang amat membantu dalam penyelidikan ini.

### **Konflik Kepentingan**

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

### **RUJUKAN**

- [1] Dali, A.M. (2012): Perlembagaan Malaysia: Penyertaan Sabah dan Sarawak ke Dalam Malaysia. In Seminar Perlembagaan Malaysia: Di antara Sejarah dan tuntutan semasa. – Arkib Negara Malaysia 5: 14p.
- [2] Datu Harun, M., Haji, T.D., Latif, S. (1981): Merdeka melalui Malaysia: sebahagian dari memoir Tun Datu Mustapha. – Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara 112p.
- [3] Hussain, A. (1976): Tun Datu Mustapha bapa kemerdekaan Sabah: sebuah biografi. – MFI 186p.
- [4] Kantis, J. (1988): Trend Pembangunan Ekonomi Sabah dan Keadaan Ekonomi Masyarakat Bumiputera (1963-1970). – Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies 16: 81-112.
- [5] Kib, M.Z.M. (2012): Tun Mustapha: His Role and Contributions to the Development in Sabah, Malaysia. – TAWARIKH 3(2): 195-210.
- [6] Leong, J. (1998): A New Beginning in Sabah, Malaysia. – Komunikasi Mutu 110p.
- [7] Lukin, S.A.B., Sintang, S., Johnes, J. (2022): Sejarah Dan Pengalaman Hubungan Etnik Di Sabah: Kesepaduan Dalam Kepelbagaian. – e-BANGI 19(6): 183-194.

- [8] Mutalib, N.B.A. (2009): Pencapaian Masyarakat Melayu Sarawak dalam Bidang Pendidikan Sebelum Dan Selepas Merdeka: The Achievement Of Sarawak's Malay Community In Education Before And After Independent. – Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS) 20(1): 219-240.
- [9] Osman, S., Bee, B.B.B.B., Bala, B., Radzi, M.S.M., Omar, M.A., Rahim, M.S.A., Ali, I., Tarsat, M. (2008): Institusi Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah: fungsi, peranan, dan biografi. – Universiti Malaysia Sabah 47p.
- [10] Pang, T.W. (1989): Economic growth and development in Sabah: 25 years after independence. – Institute for Development Studies (Sabah) 451p.
- [11] Stephens, B. (1976): Briefing on Activities of Sabah Foundation & Its Group. – Kota Kinabalu: Yayasan Sabah 16p.